

# Bertindih dalam pikap

Lima termasuk dua pasangan suami isteri maut dalam nahas ngeri empat kenderaan

>>Oleh Junaidi Ladjana  
djuns@hmetro.com.my

B/H 17/9/12 MSH.

FOTO | Junaidi Ladjana

**K**OTA KINABALU: Perjalanan pulang lima individu termasuk dua pasangan suami isteri sebaik selesai meraikan Hari Malaysia di Pantai Dalit, di sini, berakhir tragedi apabila kenderaan pikap dinaiki mereka terbabit kemalangan ngeri menyebabkan seorang mangsa pecah kepala hingga otaknya bertaburan di Jalan Sepanggar, berdekatan bangunan Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kota Kinabalu, malam kelmarin.

Dalam kejadian jam 11.40 malam, mangsa yang maut ialah pemandu, Ramsin@Taminsin Pahang, 59, isterinya, Siti Runi Tarawi, 55, Asan@Hassan Jimi, 55, isterinya, Saimah Jamin, 51, dan seorang lagi penumpang, Taripan Bintaman, 53.

Semua mereka menaiki kenderaan pikap Isuzu Invader dan mati di tempat kejadian akibat nombor di...



**CEMAS...anggota penyelamat cuba mengeluarkan Chong yang tersepit.**

**Nahas jalan raya ragut lima nyawa**

Daerah Kota Kinabalu, Asisten Komisioner Jauteh Dikon berkata, kemalangan berlaku apabila MPV Naza Ria yang datang dari Kota Kinabalu dirempuh dari belakang oleh sebuah Toyota Hilux sehingga terbabas ke laluan bertentangan.

"Kenderaan dipandu Ramsin gagal mengelak lalu bertembung MPV berkenaan dan pada masa sama, sebuah lagi pikap yang mengekori merempuh kedua-dua kenderaan itu.

"Katanya, kejadian itu menyebabkan lima pemandu dan penumpang pikap Isuzu mati di tempat kejadian manakala pemandu dan penumpang MPV berkenaan parah dan kini berada dalam keadaan kritikal," katanya.

Katanya, pemandu Toyota Hilux yang merempuh kedua-dua kenderaan itu tidak cedera manakala Mitsubishi Triton yang merempuh MPV beredar dari tempat kejadian.

"Polic beriya mengesan p...

kejadian akibat parah di seluruh badan.

Manakala penumpang kenderaan pelbagai guna (MPV) Naza Ria iaitu pemandu, Chong Chee Kiong, 23, dan penumpangnya, Sheena Patrick, 28, serta Lily Govinjen, 56, kini kritikal di Hospital Queen Elizabeth II (HQE II).

Semua mereka yang maut dalam perjalanan pulang ke rumah masing-masing di Beaufort selepas menghadiri sambutan Hari Malaysia anjuran sebuah pertubuhan di Tuaran.

Difahamkan, kejadian berlaku apabila MPV dipandu Chong dalam perjalanan dari bandar raya ini menuju Tuaran dirempuh dari arah belakang oleh sebuah Mitsubishi Triton sebelum terbabas ke laluan bertentangan.

Pada masa sama, kenderaan dipandu Ramsin gagal mengelak lalu bertembung

# Nahas jalan raya ragut lima nyawa

MARDI

**LOKASI NAHAS**  
Jalan Sepanggar, berdekatan ILP Kota Kinabalu

Kudat  
Papar  
Beaufort  
Keningau  
Sandakan  
Lahad Datu  
SABAH

JALAN KKIP 3  
ILP Kota Kinabalu

**1** Mitsubishi Triton merempuh belakang Naza Ria menyebabkan kenderaan itu terbabas ke laluan bertentangan

**2** 11.40 malam Akibatnya, Naza Ria terbabit merempuh Isuzu Invader dari arah bertentangan dan mengorbankan lima mangsa. Mereka yang menaiki Naza Ria dilapor kritikal

**3** Sebuah Hilux datang dari arah belakang gagal dikawal merempuh kedua-dua kenderaan berkenaan

TUARAN

KOTA KINABALU

GRAFIK SAMUDRA

MPV berkenaan manakala sebuah lagi pikap Toyota Hilux dipandu Azman Abdul Hafis, 37, yang mengekori

Isuzu terbabit, merempuh bahagian penumpang pikap itu.

Kejadian itu menyebabkan

semua mangsa yang maut tersepit dan bertindih antara satu sama lain.

Sementara itu, Ketua Polis

“Polis berjaya mengesan pikap Mitsubishi itu ditinggalkan di tepi jalan di Taman Bukit Sepangggar, kira-kira dua kilometer dari tempat kejadian.

“Semua mayat dihantar ke HQE II untuk bedah siasat manakala mereka yang cedera turut dirawat di hospital sama,” katanya.

Jauteh berkata, sehingga hari ini (semalam) polis giat mengesan pemandu Mitsubishi Triton terbabit bagi membantu siasatan.

“Kes disiasat mengikut Seksyen 41 (1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 kerana memandu cuai sehingga menyebabkan kematian,” katanya.

HM e-Paper



Untuk lebih gambar sila layari [subscription.nstp.com.my](http://subscription.nstp.com.my)